

Echos of Gamelan Staff (Level 1)

10 November 2021 - Unit Kokurikulum, UiTM Cawangan Perlis telah menganjurkan Kursus *Echos Of Gamelan Staff* (Level 1) bersama 16 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan UiTM. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan serta mencari bakat baru dalam permainan muzik tradisional.

Peserta turut diberi pendedahan untuk mengenali dengan lebih mendalam berkaitan sejarah, jenis gamelan, cara membaca notasi dan teknik bermain alatan gamelan.

Majlis perasmian dan penutup dirasmikan oleh Dr.Ahmad Nizan Mat Noor, Timbalan Rektor HEP, UiTM Cawangan Perlis dan dihadiri oleh En Muhammad Najib Mohd Redzwan, Pegawai Kokurikulum serta kakitangan Unit kokurikulum. Majlis ini juga turut menyaksikan persembahan hasil daripada pembelajaran selama sehari bersama kakitangan.

